



**PERUTUSAN  
YBHG. DATO' MASRI BIN HAJI RAZALI  
DATUK BANDAR  
MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN**

**MESYUARAT MAJLIS PENUH BIL.11/2024  
PADA 20 NOVEMBER 2024 (RABU) JAM 10.30 PAGI**

**BISMILLAHIRRAHMANIRRAHIM**

Assalamualaikum WBT

Salam Sejahtera dan Salam Bersih. Muafakat dan Sejahtera.

Salam Malaysia Madani

1. Yang dihormati barisan Ahli Majlis, Setiausaha Majlis, Ketua Jabatan dan Ketua Unit, pengamal media serta para hadirin yang saya hormati sekalian.
  
2. Saya juga mengalu-alukan kehadiran :
  - I. YAB Dato' Seri Utama Haji Aminuddin bin Haji Harun, ADUN Sikamat ;
  - II. YB Dato' Seri Utama Haji Mohamad bin Haji Hassan, ADUN Rantau ;
  - III. YB Tuan Arul Kumar a/l Jambunathan, ADUN Nilai ;
  - IV. YB Puan Nicole Tan Lee Koon, ADUN Bukit Kepayang;

- V. YB Hajah Tengku Zamrah bt Tengku Sulaiman, ADUN Ampangan ;
  - VI. YB Tuan Gunasekaran a/l Palasamy, ADUN Seremban Jaya ;
  - VII. YB Tuan Chew Seh Yong, ADUN Lobak ;
  - VIII. YB Tuan Ng Chin Tsai, ADUN Temiang ;
  - IX. YB Tuan Yap Yew Weng, ADUN Mambau ;
  - X. YB Tuan Siau Meow Kong, ADUN Rahang ;
  - XI. YB Datuk Haji Mohd Asna bin Amin, ADUN Lenggeng ;
3. Alhamdulillah, puji dan syukur kepada Ilahi di atas pelbagai kurniaan dan anugerah yang tidak terhitung buat kita semua. Selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad S.A.W, keluarga dan sahabat Baginda serta mereka yang mengikut jejak langkah Baginda hingga ke hari kesudahan.

Yang Berhormat, YBhg. Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

4. Untuk makluman, Pengarah Teknologi Maklumat & Komunikasi Majlis Bandaraya Seremban iaitu Puan Hanizah binti Hassan telah bersara pada 7 November 2024 yang lalu. Beliau telah berkhidmat semenjak 1 Mei 1991 di Jabatan Teknologi Maklumat Majlis Perbandaran Seremban sebagai Pegawai Teknologi Maklumat. Saya mewakili seluruh Pentadbiran Majlis Bandaraya Seremban mengucapkan terima kasih di atas jasa dan sumbangan sepanjang beliau berkhidmat di Majlis. Kami doakan semoga beliau sentiasa sihat dan dipermudahkan segala urusan.

*Tindakan : Unit Komunikasi Korporat*

Yang Berhormat, YBhg. Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

5. Untuk makluman semua, semalam genap 100 hari Tan Sri Shamsul Azri Abu Bakar menggalas tanggungjawab dan Amanah sebagai Ketua Setiausaha Negara (KSN) ke-16. Beliau mengatakan arahan pertama diterimanya daripada Datuk Seri Anwar Ibrahim, Perdana Menteri pada malam

pengumuman pelantikan pada 7 Ogos adalah mesej ringkas, tetapi jelas.

6. “*Please start your reform now* (Sila mulakan pembaharuan anda sekarang”, merujuk kepada mesej yang diterima daripada Perdana Menteri, sekali gus meletakkan keutamaan kepada KSN dalam mereformasi perkhidmatan awam. Di antara reformasi yang KSN sasarkan ialah menyemak semula setiap tiga tahun, sekurang-kurangnya 25% daripada peraturan, prosedur membebankan dan merosakkan kepercayaan pelanggan. Oleh yang demikian, seperti beberapa siri ucapan saya sebelum ini, saya telah mengarahkan setiap jabatan untuk menyemak semula peraturan dan prosedur sedia ada agar selari dengan matlamat Ketua Setiausaha Negara. Reformasi yang dilakukan ini pastinya memberi situasi menang-menang di antara pihak Kerajaan dan pemegang taruh yang bergantung harap dengan perkhidmatan Majlis.

Yang Berhormat, YBhg. Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

7. Bagi memastikan sasaran sebagai Bandaraya Pintar, saya meminta barisan Ketua Jabatan dan Ketua Unit serta dibantu oleh Ahli Majlis MBS untuk bersama-sama bersedia dengan pembangunan pesat akan datang. Limpahan pembangunan ini juga bakal membuka lebih banyak peluang pelaburan dan meningkatkan peluang ekonomi di bandar raya Seremban. Oleh itu, segala perancangan dan persiapan perlu dilakukan bermula daripada sekarang bagi menghadapi pembangunan akan datang. Kemudahan infrastruktur perlu ditambahbaik bagi mengelakkan kejadian bencana alam dan persepsi negatif daripada pihak luar. Ini akan memberi penekanan terhadap urustadbir bandar yang baik dan cekap, di samping memastikan segala keperluan warga bandar raya dapat dipenuhi secara optimum bagi memastikan kualiti kehidupan di bandar raya Seremban berada pada tahap yang terbaik.

8. Bandar yang terancang dengan baik seharusnya dapat memberikan kemudahan tempat tinggal yang selamat, tempat beriadah yang mencukupi, dilengkapi dengan bekalan air, elektrik dan telekomunikasi yang cekap, dan sistem pengangkutan yang efisien. Oleh itu, proses perbandaran Negara hendaklah dirancang mengikut gaya pembangunan ekonomi semasa dan senario pertumbuhan akan datang. Perancangan dan pengurusan bandar di Malaysia hari ini ternyata lebih sistematik, terancang dan efisien dalam usaha-usaha menuju Negara yang maju, inklusif dan berpendapatan tinggi menjelang tahun 2030.
  
9. Sehubungan dengan itu, saya meminta Ketua Jabatan dan Ketua Unit serta dibantu oleh Ahli-Ahli Majlis untuk duduk bersama-sama bagi memperhalusi perancangan kerja yang telah dirangka bagi memastikan bandar raya Seremban sebuah bandar yang mampan untuk kesejahteraan penduduk.

*Sumber : Unit Komunikasi Korporat*

Yang Berhormat, YBhg. Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

## KONVENTSYEN PIHAK BERKUASA TEMPATAN 2024

10. Pada 26 hingga 27 Oktober yang lalu, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah menganjurkan Konvensyen Pihak Berkua Tempatan 2024 bertemakan “Sinergi MADANI, Perkuuh PBT” yang telah disempurnakan oleh YB Tuan Nga Kor Ming, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan di Dewan Sivik, MBPJ.
  
11. Dalam konvensyen ini, turut berlangsung Majlis Penyampaian Anugerah Penarafan Bintang – Pihak Berkua Tempatan 2024 mengikut kategori PBT (Bandaraya, Perbandaran dan Daerah) Secara rasminya, MBS telah berjaya mengekalkan keputusan penarafan bintang dengan keputusan **5 BINTANG** dengan peratusan **Keputusan Rasmi** adalah sebanyak **93.77%** menjadikan MBS berada di tempat ke-13 bagi kategori Bandaraya.

12. Sewaktu konvensyen tersebut, YB Menteri KPKT turut memaklumkan bahawa dalam pemurnian markah SPB-PBT kali ini, buat pertama kalinya KPKT telah mengambilkira elemen berkaitan ***Public Service Corruption Ranking (PSCR)*** iaitu Kajian Tahap Rasuah Perkhidmatan Awam 2024 oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM). Kriteria penilaian baharu itu diwujudkan bagi memastikan keputusan penarafan bintang yang diberikan mencerminkan dengan ketepatan prestasi semasa setiap PBT dan hasilnya negara dapat meningkatkan kedudukannya dalam ranking Indeks Persepsi Rasuah (CPI).
13. Untuk makluman, Majlis Bandaraya Seremban telah mendapat tempat ke-13 bagi kategori bandaraya daripada 20 PBT bandaraya dengan markah 93.77% manakala MBS mendapat tempat ke-3 dalam PBT Negeri Sembilan.

*Sumber : Unit Komunikasi Korporat*

Yang Berhormat, YBhg. Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

## **PENCAPAIAN KEMAMPANAN BANDAR MENGIKUT PBT DI NEGERI SEMBILAN TAHUN 2023 DAN 2024**

14. Untuk makluman, Majlis Bandaraya Seremban telah mendapat tempat pertama bagi Kemampunan Bandar Mengikut PBT Di Negeri Sembilan bagi tahun 2024 dengan markah 95.42% dan menerima wang tunai berjumlah RM10,000.00. Majlis penyampaian hadiah akan diadakan pada esok hari yang akan disampaikan oleh YAB Menteri Besar Negeri Sembilan di Lexis Hibiscus Port Dickson. Saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada seluruh warga kerja Majlis Bandaraya Seremban di atas pencapaian ini. Saya juga meminta agar prestasi ini dipertingkatkan dari semasa ke semasa bagi mengekalkan pencapaian ini bagi tahun seterusnya.

*Sumber : Unit Komunikasi Korporat*

Yang Berhormat, YBhg. Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

**MAJLIS PERKONGSIAN ILMU USRAH BULANAN  
ANJURAN PEJABAT MENTERI BESAR NEGERI  
SEMBILAN**

15. Pada 23 Oktober 2024, Majlis Bandaraya Seremban telah dipilih sebagai lokasi untuk Majlis Perkongsian Ilmu Usrah Bulanan Anjuran Pejabat Menteri Besar Negeri Sembilan. YBhg. Dato' Mohd Zaidi bin Ramli, Pengarah Kanan Bahagian Dasar Kemajuan Islam, JAKIM telah dijemput sebagai penceramah dengan mengupas mengenai kebertanggungjawaban dan kesungguhan dalam menunaikan Amanah. Turut hadir semasa majlis diadakan ialah YAB Dato' Seri Utama Haji Aminuddin bin Harun, Menteri Besar Negeri Sembilan Darul Khusus, YB Dato' Mohd Zafir bin Ibrahim Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan, Ahli-Ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri, Ahli-Ahli Dewan Undangan Negeri, Ketua-Ketua Jabatan Negeri, Ahli-Ahli Majlis MBS dan warga kerja Majlis Bandaraya Seremban.

Yang Berhormat, YBhg. Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

**BENGKEL KAJIAN SEMULA PELAN STRATEGIK  
PENDIGITALAN (PSP) MAJLIS BANDARAYA  
SEREMBAN 2021-2025**

16. Bengkel Kajian Semula Pelan Strategik Pendigitalan (PSP) Majlis Bandaraya Seremban telah diadakan pada 23 hingga 25 Oktober 2024 di Hotel Royale Chulan, Kuala Lumpur. Bengkel ini dihadiri oleh 26 orang peserta terdiri daripada sebahagian pegawai dari struktur tadbir urus PSP Majlis Bandaraya Seremban dan Setiausaha Bahagian, Bahagian Teknologi Maklumat, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan iaitu Puan Zainab binti Mohamed sebagai khidmat nasihat.
  
17. Kajian semula PSP MBS 2021-2025 merupakan usaha untuk memantau, menilai dan mengenal pasti isu serta cabaran dalam pelaksanaan perancangan yang telah dirangka. Melaluinya strategi dapat disusun semula dan

memberi tumpuan serta keutamaan kepada pelaksanaan program yang berimpak tinggi yang belum dicapai semasa tempoh PSP MBS 2021-2025 dilaksanakan.

18. Bengkel ini dilaksanakan bagi mengukur pencapaian program yang telah dirangka bagi tahun 2021 sehingga September 2024 di samping menilai semula dan menambah baik program untuk tahun 2025.
19. Secara keseluruhannya, prestasi pencapaian program dalam PSP MBS 2021-2025 sehingga 30 September 2024 adalah 79.27% yang mana sebanyak 35 sub-program telah selesai dilaksanakan, 21 sub-program dalam pelaksanaan, 4 sub-program yang belum dilaksanakan, 13 sub-program dalam status tangguh dan 4 sub-program telah dimansuhkan.

*Sumber : Jab. Teknologi Maklumat & Komunikasi*

Yang Berhormat, YBhg. Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

**PELAPORAN JABATAN UNDANG-UNDANG &  
PENGUATKUASAAN**

20. Majlis Bandaraya Seremban melalui Jabatan Undang-Undang & Penguatkuasaan telah mengambil tindakan penguatkuasaan kompaun pada 1 Januari sehingga 5 November 2024 seperti dipaparan :

<b>JUMLAH BILANGAN KOMPAUN</b>	61,730	
<b>NILAI AMAUN</b>	RM10,439,567.00	
<b>BILANGAN KOMPAUN BERBAYAR</b>	12,378	20%
<b>NILAI AMAUN BERBAYAR</b>	RM1,411,087.00	13.5%

21. Jumlah kertas siasatan (IP) yang telah dibuka mulai 1 Januari 2024 sehingga 5 November 2024 pula adalah sebanyak 519. Manakala sebanyak 7,713 pengeluaran kompaun telah dilakukan sepanjang tarikh tersebut. (ringkasan pengeluaran kompaun adalah seperti dipaparan).

<b>BIL</b>	<b>JENIS KOMPAUN</b>	<b>JUMLAH</b>
1.	Kompaun iklan	3,727
2.	Kompaun hiburan	54
3.	Kompaun rumah urut	67
4.	Kompaun rumah tumpangan	55
5.	Kompaun tred perniagaan	2,639
6.	Kompaun penjaja	1,171
<b>JUMLAH</b>		<b>7,713</b>

*Sumber : Jabatan Undang-Undang & Penguatkuasaan*

Yang Berhormat, YBhg. Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

**MAJLIS PENYERAHAN WATER JET KEPADA  
JAWATANKUASA PEMBANGUNAN DAN  
KESELAMATAN KAMPUNG (JPKK) DAN KAWASAN  
RUKUN TETANGGA (KRT) UNTUK PASCA BANJIR  
MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN**

22. Majlis Bandaraya Seremban telah mengadakan Majlis Penyerahan Water Jet Kepada Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung (JPKK) dan Kawasan Rukun Tetangga (KRT) Untuk Pasca Banjir Majlis Bandaraya Seremban pada 17 Oktober 2024. Sebanyak 7 JPKK dan 8 KRT yang terpilih telah menerima *water jet*.

BIL	KRT
1.	KRT Rasah B
2.	KRT Taman Pinggiran Senawang
3.	KRT Taman Tuanku Jaafar Fasa 3
4.	KRT Taman Panchor Jaya Fasa 2
5.	KRT Taman Eka Matahari

6.	KRT Taman Nilai Perdana
7.	KRT Taman Desa Kolej
8.	KRT Taman Bukit Kepayang

<b>BIL</b>	<b>JPKK</b>
1.	JPKK Kg. Batu 3, Mambau
2.	JPKK Kg. Sentosa Jaya
3.	JPKK Kg. Ismail
4.	JPKK Kg. Sg. Mahang
5.	JPKK Kg. Panchor
6.	JPKK Kg. Ulu Beranang
7.	JPKK Kg. Semarak

Turut hadir ialah Ahli-Ahli Majlis MBS, Tuan Setiausaha MBS, En. Mohd Khairul Anuar bin Shahrom daripada Negeri Roadstone, Ketua-Ketua Jabatan dan Ketua Unit MBS.

*Sumber : Jab. Pembangunan Masyarakat & Pelancongan*

Yang Berhormat, YBhg. Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

**MAJLIS BACAAN YASSIN SEMPENA ULANG TAHUN  
KE-4 MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN**

23. Pada 17 Oktober 2024, Majlis Bandaraya Seremban telah mengadakan Majlis Bacaan Yassin Sempena Ulang Tahun Ke-4 Majlis Bandaraya Seremban di Surau Ar-Rahman Cempakapuri, Nilai. Selain dapat mengimarahkan masjid-masjid di sekitar Daerah Seremban, program ini dapat menjaga hubungan baik antara Majlis Bandaraya Seremban dan kariah surau yang terlibat dalam membincangkan isu di kawasan setempat. Turut hadir ialah Tuan Setiausaha MBS, Ketua Jabatan dan Ketua Unit MBS.

*Sumber : Jab. Pembangunan Masyarakat & Pelancongan*

Yang Berhormat, YBhg. Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

## **PELAPORAN JABATAN KEWANGAN**

24. Sementara itu, prestasi kutipan Cukai Taksiran Majlis Bandaraya Seremban sehingga **17 November 2024**, adalah seperti berikut :-
- (a) Cukai Taksiran  
Sasaran 85% Bil Semasa 2024 (RM130.95Juta)  
Prestasi = RM125.43Juta (81.42%)
- (b) Sasaran 30% Kutipan Tuggakan (RM26.02Juta)  
Prestasi = RM15.44Juta (17.80%)
- (c) Sasaran 100% Bajet Cukai (RM145.50Juta)  
Prestasi = RM130.99Juta (90.03%)
- (d) Sasaran Terimaan Hasil 100% (RM223.56Juta)  
Prestasi = RM210.29Juta (94.07%)
- (e) Belanja Mengurus (RM224.43Juta)  
Prestasi = RM169.21Juta (75.44%)

(f) Belanja Pembangunan (RM15.02Juta)

Prestasi = RM7.78Juta (51.84%)

Perbandingan bagi tahun 2023 pula, sehingga 19

November 2023 :-

(g) Cukai Taksiran

Sasaran 85% Bil Semasa 2023 (RM122.15Juta)

Prestasi = RM118.68Juta (82.59%)

(h) Sasaran 30% Kutipan Tuggakan (RM25.12Juta)

Prestasi = RM17.19Juta (20.53%)

(i) Sasaran 100% Bajet Cukai (RM142.10Juta)

Prestasi = RM132.27Juta (93.09%)

(j) Sasaran Terimaan Hasil 100% (RM205.50Juta)

Prestasi = RM199.32Juta (97.00%)

(k) Belanja Mengurus (RM218.07Juta)

Prestasi = RM181.46Juta (83.21%)

(l) Belanja Pembangunan (RM15.74Juta)

Prestasi = RM6.23Juta (39.59%)

Yang Berhormat, YBhg. Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

### **KUTIPAN OPERASI DARI PINTU KE PINTU**

25. Bagi memastikan warga bandar raya Seremban menikmati pembangunan dan kemudahan infra yang selesa, Majlis Bandaraya Seremban sedaya upaya memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada warganya. Majlis Bandaraya Seremban menyebarluaskan perkhidmatan kutipan Cukai Taksiran kepada pemilik harta dalam kawasan Pentadbirannya. Jabatan Kewangan Majlis Bandaraya Seremban telah bekerjasama dengan Jabatan Undang-Undang & Penguatkuasaan mengadakan operasi kutipan Cukai Taksiran dari rumah ke rumah bagi memudahkan warga bandar raya menjelaskan bayaran tanpa perlu hadir ke kaunter. Cara ini juga dapat membantu golongan warga emas atau mereka yang mempunyai masalah dalam penggunaan teknologi untuk menjelaskan bayaran Cukai Taksiran.

26. Bagi bulan Oktober, Majlis Bandaraya Seremban telah mengadakan operasi ke beberapa buah kawasan dalam Pentadbiran Majlis Bandaraya Seremban. Antaranya :

BIL.	TARIKH	Lokasi
1.	5 Okt 2024	Taman Cenderawasih & Taman Seri Binjai
2.	6 Okt 2024	Taman Desa Flora & Taman Desa Ixora
3.	12 Ok 2024	Taman Bukit Kristal
4.	19 Okt 2024	Taman Nada Alam
5.	26 Okt 2024	Taman Kayangan
6.	27 Okt 2024	Taman Desa Anggerik

Majlis mensasarkan sebanyak 1,790 akaun berjumlah RM1,416,771 sepanjang bulan Oktober namun sebanyak 51 akaun berjumlah RM19,808.10 berjaya dikutip.

27. Bagi lawatan ke premis perniagaan pula, Majlis Bandaraya Seremban telah berjaya mengutip sebanyak RM5,000.00 ke atas sebuah premis berbanding sasaran sebanyak RM1,438,272.75 ke atas 645 bilangan akaun sasaran.

28. Sepanjang bulan Oktober juga, Majlis Bandaraya Seremban turut mengadakan kaunter bergerak bagi memudahkan warga bandar raya Seremban menjelaskan bayaran Cukai Taksiran. Antaranya ialah :-

BIL.	TARIKH	LOKASI	PROGRAM	JUMLAH KUTIPAN (RM)
1.	5 Okt 2024	Dewan Orang Ramai Rantau	Sambutan Bulan Malaysia Sihat Sejahtera 2024 Anjuran Pejabat Kesihatan Daerah Seremban	1,150.60 Bil. Akaun : 46
2.	12 Okt 2024	Kipmall Senawang	Program Hari Bertemu Pelanggan	27,714.65 Bil. Akaun : 910
3.	14-15 Okt 2024	Pejabat Negeri Pertahanan Awam N.Sembilan	Program Himpunan Pertahanan Awam Peringkat Kebangsaan Tahun 2024	1,330.00 Bil. Akaun : 52

Yang Berhormat, YBhg. Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

## **PELAPORAN JABATAN KESIHATAN PERSEKITARAN**

29. Bermula 1 Januari 2024 sehingga 31 Oktober 2024, Majlis Bandaraya Seremban telah menjalankan aktiviti kawalan iaitu :-
  - i. *fogging* 51,401 premis ;
  - ii. ULV 100,453 premis ;
  - iii. *Larvaciding* dan *source reduction* 409 lokaliti ; dan
  - iv. gotong-royong ke atas 131 taman.
30. Selain daripada itu, sehingga 31 Oktober 2024, Tanah Perkuburan Islam Senawang Fasa 2 mencatatkan sebanyak 44 pengebumian. Manakala Tanah Perkuburan Islam Ainsdale telah mencatatkan sebanyak 6 pengebumian manakala bagi Tanah Perkuburan Kristian Sendayan pula telah merekodkan sebanyak 8 pengebumian warganegara. Saya meminta kawasan tanah perkuburan sentiasa diselenggara dengan baik dan memastikan kemudahan infrastruktur berada dalam keadaan baik.

31. Untuk makluman, Sambutan Hari Rabies Sedunia 2024 Peringkat Kebangsaan telah diadakan pada 2 November 2024 bertempat Hotel Palm Mall Seremban. Program ini telah dirasmikan oleh Yang Berusaha Dr. Akma binti Ngah Hamid, Ketua Pengarah Perkhidmatan Vaterinar dan disertai oleh Majlis Bandaraya Seremban serta beberapa agensi luar seperti Jabatan Kesihatan Negeri Sembilan, Pejabat Kesihatan Daerah dan lain-lain. Tujuan program ini diadakan adalah untuk meningkatkan kesedaran orang ramai terhadap risiko penularan penyakit rabies di kalangan haiwan peliharaan dan manusia dan kawalan anjing terbiar di Malaysia.
  
32. Selain itu, pada 11 November 2024, Majlis Bandaraya Seremban menerusi Jabatan Kesihatan telah mengadakan lawatan penandaarasan bagi kawalan anjing liar ke Majlis Bandaraya Johor Bahru. Lawatan ini turut sertai oleh Majlis Perbandaran Port Dickson sebagai penyelaras program, Majlis Perbandaran Jempol dan Majlis Daerah Tampin. Tujuan lawatan ini diadakan adalah untuk melihat cara yang lebih efektif bagi menangani isu anjing terbiar di kawasan seliaan Pihak Berkuasa Tempatan serta melihat langkah-langkah yang boleh dilaksanakan untuk mengurangkan

populasi anjing terbiar dengan cara *put-to-sleep* (PTS) serta kaedah *trap-neuter-rehome* (TNR).

*Sumber : Jabatan Kesihatan Persekutuan*

Yang Berhormat, YBhg. Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

### **SESI TEMUDUGA PENGISIAN KEKOSONGAN GERAI / PASR / PENJAJA**

33. Majlis Bandaraya Seremban telah mengadakan sesi temuduga bagi pengisian kekosongan gerai, pasar dan penjaja milik Majlis Bandaraya Seremban pada 15 dan 16 Oktober 2024 bertempat di Bilik Pameran Dewan Majlis Bandaraya Seremban Jalan Yamtuan dan di Bilik Serai Wangi Pejabat Cawangan Nilai.

34. Temuduga ini diadakan bagi mengisi sebanyak 29 lokasi perniagaan dan sebanyak 96 orang calon temuduga telah hadir semasa sesi tersebut. En. Abdul Malek bin Adam, En. Ng Kin Wai, En. Chong Jin Wei , Ahli Majlis MBS telah dilantik sebagai panel bagi sesi temuduga bagi kawasan Seremban manakala En. Hamdan bin Md Nor, En. Thanabalan a/l Ramiah, Pn. Yong Mui Teng dan En. Lim Chun Weng telah dilantik sebagai panel penemuduga bagi kawasan Nilai.
35. Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Majlis yang telah meluangkan masa bagi menjayakan sesi tersebut dan saya berharap melalui sesi temuduga yang diadakan ini, Majlis dapat membantu peniaga yang sesuai dan komited terhadap lokasi yang ditawarkan.

*Sumber : Jabatan Pelesenian & Pembangunan Usahawan*

Yang Berhormat, YBhg. Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

**LAPORAN OPERASI MEGA BERSEPADU AKTA  
KAWALAN PRODUK MEROKOK DEMI KESIHATAN  
AWAM 2024 (AKTA 852) OLEH JABATAN KESIHATAN  
NEGERI SEMBILAN**

36. Pada 29 Oktober 2024, Majlis Bandaraya Seremban menerusi Jabatan Pelesenan dan Pembangunan Usaha telah menyertai Operasi Mega Bersepadu Akta Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam 2024 (Akta 852) di Senawang dan Seremban. Operasi ini merupakan anjuran Jabatan Kesihatan Negeri Sembilan turut disertai oleh Pejabat Kesihatan Daerah Seremban, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDNHEP) dan Jabatan Undang-Undang & Penguatkuasaan MBS.

37. Saya meminta supaya lebih banyak agensi mengadakan operasi bersama seperti ini bagi memastikan bandar raya Seremban membangun selaras dengan status bandar raya yang lain dan memenuhi ciri-ciri bandar selamat.

*Sumber : Jabatan Pelesenan & Pembangunan Usahawan*

Yang Berhormat, YBhg. Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

### **LAWATAN TAPAK PENJAJA BERSAMA AHLI MAJLIS**

38. Pada 5 November 2024, Jabatan Pelesenan dan Pembangunan Usahawan telah mengadakan lawatan tapak penjaja bersama En. Abdul Malek bin Adam dan En. Mohamad Fadil bin Md Zin, Ahli Majlis MBS di tempat letak kereta Stadium Tuanku Abdul Rahman, Paroi. Lawatan ini diadakan bagi melihat cadangan penyusunan tapak penjaja setempat dan meninjau peniaga yang beroperasi tanpa lesen atau permit. Turut hadir semasa lawatan diadakan ialah wakil Jabatan Pembangunan Masyarakat & Pelancongan serta Jabatan Perancangan Pembangunan MBS.

*Sumber : Jab. Pelesenan & Pembangunan Usahawan*

Yang Berhormat, YBhg. Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

**PROGRAM PEMBANGUNAN USAHAWAN – LATIHAN  
KEPIMPINAN DAN KEUSAHAWANAN PENIAGA GERAI  
MBS**

39. Majlis Bandaraya Seremban telah mengadakan Program Pembangunan Usahawan – Latihan Kepimpinan dan Keusahawan Peniaga Gerai MBS pada 7 November 2024 bertempat di Ruang Dato' Dagang Paroi, Wisma MBS. Seramai 50 orang peserta terdiri daripada peniaga kiosk Stadium Tuanku Abdul Rahman Paroi dan peniaga Bentang Ampangan telah terlibat menjayakan program pada hari tersebut. Majlis mengucapkan terima kasih kepada pihak Kolej Yayasan Negeri Sembilan yang telah hadir sebagai penceramah bagi memberi bimbingan kepada para peserta.

*Sumber : Jab. Pelesenan & Pembangunan Usahawan*

Yang Berhormat, YBhg. Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

## **BENGKEL PELAN STRATEGIK 2026 – 2030**

40. Majlis Bandaraya Seremban telah menyediakan Pelan Strategik 2021 – 2025 bagi mencapai hala tuju bandar raya iaitu “Menjadikan Seremban sebuah bandaraya pintar yang mampan, bersih dan berdaya maju dengan menyediakan perkhidmatan pintar yang efisien, berkualiti dan telus bagi memastikan warga bandar raya Seremban menikmati kehidupan yang selesa dan sejahtera”. MBS telah merangka teras strategik dan rangkaian strategik utama serta strategi sokongan agar pelaksanaan strategi, program yang dirancang itu tepat dan menuju kepada sasaran serta perubahan yang diharapkan.
  
41. Sehubungan dengan itu, bagi memperbaharui Pelan Strategik menjelang tahun 2026-2030, satu bengkel akan diadakan pada 14 hingga 16 Oktober 2024 bertempat di Hotel Royal Chulan Seremban melibatkan pihak pengurusan Majlis Bandaraya Seremban.

42. Kejayaan dalam melaksanakan Pelan Tindakan yang disediakan oleh Majlis Bandaraya Seremban amat memerlukan sokongan padu daripada semua pihak terutamanya pihak berkepentingan antara agensi kerajaan, swasta, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan badan-badan profesional. Saya berharap semua pihak dapat memberi kerjasama yang baik bagi memastikan Pelan Strategik seterusnya adalah pelan yang komprehensif sejajar dengan matlamat SDG dan ESG (Persekutaran, Sosial dan Tadbir Urus).

*Sumber : Unit Komunikasi Korporat*

Yang Berhormat, YBhg. Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

## **LARIAN INTEGRITI**

43. Dalam memberi kesedaran, memupuk dan menyemarakkan semangat integriti dalam kalangan penjawat awam di Negeri Sembilan, satu program Larian Integriti sejauh 5km telah diadakan pada 16 November 2024 anjuran Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan (PSUKNS) dengan kerjasama Majlis Bandaraya Seremban dan Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (MAINS) di Wisma Negeri.
  
44. Seramai 200 orang peserta telah menyertai larian tersebut di mana peserta terdiri daripada kakitangan awam pelbagai agensi. Majlis Bandaraya Seremban telah menghantar seramai 50 orang peserta terdiri daripada warga kerja Majlis Bandaraya Seremban untuk menyahut cabaran larian 5km tersebut.

45. Pelepasan larian telah disempurnakan oleh YB Dato' Mohd Zafir bin Ibrahim, Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan. Saya bersama-sama dengan barisan pengurusan Majlis Bandaraya Seremban dan Tuan Zainal bin Said, Setiausaha MAINS turut menyertai larian ini. Program ini mendapat sambutan yang menggalakkan dan telah berjaya mencapai matlamatnya dalam mempromosikan integriti sebagai asas utama dalam setiap tindakan dan keputusan dalam perkhidmatan awam.

*Sumber : Unit Integriti*

Yang Berhormat, YBhg. Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

**PROGRAM MOH GOTONG ROYONG HARI CUCI  
MALAYSIA SAMBIL TANAM POKOK**

46. Majlis Bandaraya Seremban dengan kerjasama Daihatsu Perodua Engine Manufacturing dan Jabatan Perhutanan Negeri Sembilan telah mengadakan Program Moh Gotong Royong Hari Cuci Malaysia Sambil Tanam Pokok di Sendayan Green Park pada 16 November 2024 yang lalu. Tuan Mas Midyawan bin Yahya, Setiausaha Majlis

Bandaraya Seremban telah mewakili saya merasmikan program tersebut yang turut dihadiri oleh Ahli Majlis MBS, Ketua Jabatan dan Ketua Unit MBS serta pegawai dan kakitangan MBS.

47. Program ini merupakan program di bawah Local Agenda 21 (LA21) bagi memastikan kawasan persekitaran masih kekal hijau walaupun pembangunan semakin pesat membangun. Jabatan Perhutanan Negeri Sembilan telah menyumbang sebanyak 100 anak pokok bagi menjayakan program pada hari berkenaan. Program ini juga adalah selari dengan Pelan Strategik Majlis Bandaraya Seremban 2021-2025 di bawah Teras Bandar Raya Rendah Karbon, Bandar Pintar dan Pembangunan Mampan. Saya meminta program seperti ini lebih banyak dijalankan supaya dapat mendidik warga bandar raya Seremban untuk bersama-sama menjaga memelihara dan memulihara pokok dalam kawasan Pentadbiran Majlis.

*Sumber : Jabatan Taman & Landskap*

Yang Berhormat, YBhg. Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

***INTERNATIONAL GREENTECH AND ECO PRODUCTS EXHIBITION AND CONFERENCE MALAYSIA 2024 (IGEM 2024)***

48. Majlis Bandaraya Seremban telah dijemput oleh Unit Perancang Ekonomi Negeri Sembilan (UPEN) untuk bekerjasama mewakili Kerajaan Negeri Sembilan menyertai pameran sempena *International Greentech And Eco Products Exhibiton And Conference* Malaysia 2024 (IGEM 2024) bertempat di Kuala Lumpur Convention Centre (KLCC) pada 9 hingga 11 Oktober 2024. Tema IGEM tahun ini adalah “*Race Towarss Net Zero : Regional Leadership For Climate Urgency*” mensasarkan sebanyak 480 pameran daripada pelbagai agensi kerajaan dan swasta untuk mengetengahkan elemen pameran berkaitan dengan Pemerksaan Bandar, Mobiliti Elektrik, Penyarkarbonan Tenaga, Menggiat Ekonomi Kitaran dan Perlindungan Biodiversiti dicapai.

49. Turut menyertai kerjasama strategik ini adalah Jabatan Pertanian Negeri Sembilan, SWM Environment, Syarikat Ground Control dan Syarikat Geoinfo. Semasa pameran tersebut, Majlis Bandaraya Seremban telah mengetengahkan Pelan Tindakan Bandar Pintar dan Bandar Rendah Karbon Seremban 2027 serta Produk *Eco-Friendly* iaitu *Dual Powered Street Light*.

*Sumber : Jabatan Perancangan Pembangunan*

Yang Berhormat, YBhg. Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

**SESI SERAHAN KERETA ELEKTRIK (EV CAR) BYD  
DOLPHIN SECARA SEWAAN SELAMA 3 TAHUN  
DARIPADA SYARIKAT YINSON MOBILITY SDN BHD  
KEPADAMAJLIS BANDARAYA SEREMBAN**

50. Bagi mencapai inisiatif di dalam Pelan Tindakan Bandar Pintar dan Bandar Rendah Karbon Seremban 2027 di Bawah Projek Perintis 9 iaitu Pelaksanaan Program Rendah Karbon, Majlis telah mengambil inisiatif untuk menyewa kereta elektrik (EV Car) BYD Dolphin secara sewaan selama 3 tahun daripada Syarikat Yinson Mobility Sdn Bhd dan majlis serahan ini telah diadakan pada 25 Oktober 2024 di hadapan pejabat saya.
51. Selain itu, Majlis Bandaraya Seremban turut menerima kereta EV Neta sebanyak 2 unit bagi menyokong pelaksanaan bandar rendah karbon. Majlis Bandaraya Seremban berharap lebih ramai warga bandar raya Seremban akan menggunakan kenderaan seperti ini bagi menyokong usaha Majlis Bandaraya Seremban untuk

mencapai sasaran bandar rendah karbon menjelang 2027 nanti.

*Sumber : Jabatan Perancangan Pembangunan*

Yang Berhormat, YBhg. Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

**HARI PERANCANGAN BANDAR SEDUNIA (HPBS) 2024  
PERINGKAT KEBANGSAAN**

52. Pada 28 Oktober 2024 yang lalu, Majlis Bandaraya Seremban menerusi Jabatan Perancangan Pembangunan telah dijemput untuk menyertai Hari Perancangan Bandar Sedunia (HPBS) 2024 Peringkat Kebangsaan di Putrajaya dan TPr. Haji Nazri bin A. Ghani, Pengarah Perancangan Pembangunan Majlis Bandaraya Seremban telah mewakili saya hadir ke program tersebut. Untuk makluman, HPBS diadakan bagi menghargai sumbangan Perancang Bandar atau *townplanner* yang telah merancang pembangunan gunatanah perbandaran dan desa secara teratur serta mampan untuk memberi kehidupan yang lebih selesa kepada penduduk.

53. Majlis Bandaraya Seremban telah menyertai anugerah tersebut bagi kategori (*Developing Smart Cities* – Tahap 2) dan telah mendapat Sijil Penyertaan. Kategori ini telah dimenangi dan dianugerahkan kepada 2 agensi kerajaan sahaja daripada 24 penyertaan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) termasuk MBS. PBT yang menerima anugerah tersebut adalah Majlis Bandaraya Johor Bahru dan Perbadanan Putrajaya sahaja.
54. Anugerah Penarafan Bandar Pintar Malaysia mempunyai 4 tahap iaitu *Smart City Early Adopter* (Tahap 1) yang telah dimenangi oleh Majlis Bandaraya Seremban pada tahun lepas. Seterusnya adalah *Developing Smart City* (Tahap 2), *Leading Smart City* (Tahap 3) dan *Visionary Smart City* (Tahap 4). Majlis Bandaraya Seremban mensasarkan akan menyertai semula dan memenangi kategori *Developing Smart City* (Tahap 2) pada tahun hadapan untuk berpeluang menyertai ke tahap seterusnya.

Yang Berhormat, YBhg. Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

***WORLD URBAN FORUM DI CAIRO, EGYPT***

55. Majlis Bandaraya Seremban telah menyertai Seminar World Urban Forum (WUF) di Cairo, Egypt pada 4 hingga 8 November 2024. Majlis Bandaraya Seremban telah diwakili oleh Tuan Mas Midyawan bin Yahya Setiausaha Majlis Bandaraya Seremban dan TPr. Haji Nazri bin A. Ghani Pengarah Perancangan Pembangunan telah hadir mewakili Majlis Bandaraya Seremban untuk menerima pengiktirafan *Finalist Projek Landfill to Solar Farm Kuala Sawah semasa Sesi Finance Your City Award (FYC)* Anjuran FMDV di WUF 12.

56. Untuk makluman, WUF diadakan adalah untuk meningkatkan kesedaran tentang pembandaran mampan di kalangan pihak berkepentingan dan orang awam selain untuk meningkatkan pengetahuan kolektif tentang pembangunan bandar yang mampan melalui perbahasan terbuka dan inklusif, pertukaran amalan serta dasar terbaik melalui perkongsian pelajaran yang dipelajari. Saya meminta Majlis Bandaraya Seremban menyediakan peruntukan bagi menyertai WUF ini bagi tujuan membina jaringan kerjasama di antara pihak MBS, KPKT dan PBT-PBT yang menyertai.

Yang Berhormat, YBhg. Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

## **PELAPORAN JABATAN KHIDMAT PENGURUSAN**

### **i. SESI PENYERAHAN SURAT KENAIKAN PANGKAT DAN KENAIKAN PANGKAT SECARA TIME-BASED (TBK 1)**

57. Majlis Bandaraya Seremban mengucapkan tahniah kepada 4 orang pegawai yang telah menerima surat kenaikan pangkat dan kenaikan pangkat secara *Time-Based* (TBK 1) pada 23 Oktober 2024 bertempat di pejabat saya.

### **ii. SESI TAKLIMAT PELAKSANAAN SISTEM SARAAN PERKHIDMATAN AWAM (SSPA)**

58. Selain itu, pada 28 Oktober 2024 yang lalu, bertempat di Ruang Dato' Dagang Paroi dan Ruang Dato' Muda Labu, Wisma MBS, satu taklimat mengenai Sistem Saraan Perkhidmatan Awam (SSPA) bagi pegawai skim perkhidmatan yang digabungkan ke skim perkhidmatan bau dan skim perkhidmatan yang dijumudkan ke skim

perkhidmatan yang berkuatkuasa telah disampaikan oleh En. Saiful Azuar bin Ahmad Jadi, Pengarah Khidmat Pengurusan MBS.

59. Seterusnya pada 4 November 2024 pula, sesi taklimat diteruskan untuk memberi penjelasan kepada 914 orang pegawai Majlis Bandaraya Seremban berstatus tetap mengenai SSPA. Untuk makluman, semua warga kerja Majlis Bandaraya Seremban perlu menghantar surat persetujuan atau penolakan SSPA sebelum 15 November 2023 bagi tujuan penyelarasan gaji baharu.

**iii. MESUARAT AGUNG PERSATUAN PEGAWAI TADBIR PIHAK BERKUASA TEMPATAN MALAYSIA (MAOLA) KALI PERTAMA**

Yang Berhormat, YBhg. Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

60. Majlis Bandaraya Seremban menerusi Jabatan Khidmat Pengurusan telah menganjurkan Mesyuarat Agung Persatuan Pegawai Tadbir Pihak Berkuasa Tempatan Malaysia (MAOLA) kali pertama di D'Tempat Country Club, Sendayan pada 18 November 2024. Saya telah

menyempurnakan majlis perasmian yang turut dihadiri oleh Tuan Setiausaha MBS, Ahli-Ahli Majlis MBS, Ketua Jabatan dan Ketua Unit MBS serta pegawai-pegawai MBS. Untuk makluman, En. Saiful Azuar bin Ahmad Jadi telah dilantik sebagai Pengerusi Persatuan Pegawai Tadbir Pihak Berkuasa Tempatan Malaysia (MAOLA) yang pertama bagi sesi 2025-2026.

61. Seramai 126 Pegawai Tadbir Pihak Berkuasa Tempatan Malaysia telah hadir dalam mesyuarat agung ini daripada 43 Pihak Berkuasa Tempatan dan 12 negeri / wilayah persekutuan. Semoga persatuan yang telah berjaya ditubuhkan ini akan terus berkembang maju dan menjadi tunjang utama dalam memantapkan lagi profesi Pegawai Tadbir PBT Malaysia.

*Sumber : Jabatan Khidmat Pengurusan*

Yang Berhormat, YBhg. Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

## **HARI KELESTARIAN ALAM NEGERI SEMBILAN 2024**

62. Unit Perancang Ekonomi Negeri Sembilan (UPEN) telah menganjurkan Hari Kelestarian Alam Negeri Sembilan 2024 pada 16 November 2024 bertempat di City Park, Seremban
2. Majlis Bandaraya Seremban telah membuka reraui daripada Jabatan Kewangan, Jabatan Undang-Undang & Penguatkuasaan, Jabatan Perancangan Pembangunan dan Jabatan Kesihatan bagi memudahkan warga bandar raya berurus dan mendapatkan perkhidmatan Majlis Bandaraya Seremban seperti kaunter bayaran Cukai Taksiran. Untuk makluman, MBS telah mengadakan Kempen Diskaun Notis E Cukai Taksiran sebanyak 50% diskauan dan Kempen Pengurangan Kompaun sehingga 60% bagi kesalahan tempat letak kereta sempena Hari Kelestarian Alam.

*Sumber : Unit Komunikasi Korporat*

Yang Berhormat, YBhg. Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

## **MET MALAYSIA**

63. Berdasarkan analisis model-model cuaca yang dikeluarkan oleh MET Malaysia, luruhan monsun dijangka berlaku sehingga 23 November 2024. Keadaan ini berpotensi menyebabkan hujan lebat berterusan di timur dan selatan Semenanjung serta timur Sabah dalam tempoh berkenaan. Pada masa yang sama, angin kencang dan laut bergelora juga dijangka berlaku di Laut China Selatan. MET Malaysia telah mengemaskini amaran hujan berterusan (buruk & waspada) melibatkan negeri Kelantan, Terengganu, Pahang, Johor, Negeri Sembilan dan Melaka berkuatkuasa sehingga 23 November 2024.
  
64. Manakala amaran angin kencang dan laut bergelora bagi perairan condore dan *reef north* turut berkuatkuasa pada 19 hingga 22 November 2024. Sehubungan dengan itu, saya ingin mengingatkan supaya Pasukan untuk bersiap sedia dalam bertindak apabila bencana berlaku di daerah Seremban.

65. Untuk makluman semua, MBS akan bekerjasama dengan 14 badan bukan kerajaan untuk bersama-sama dalam melaksanakan Misi Pasca Banjir di Seremban manakala seramai 48 orang kakitangan MBS telah bersiap sedia di dalam misi ini yang terdiri daripada kakitangan Jabatan Undang-Undang & Penguatkuasaan, Jabatan Penyelenggaraan terdiri daripada Seksyen Mekanikal), Jabatan Kesihatan Persekutuan dan Jabatan Taman & Lanskap serta 6 buah kenderaan akan diatur gerakkan dalam misi pasca banjir nanti.

*Sumber : Unit Komunikasi Korporat*

## **PENUTUP**

Yang Berhormat, YBhg. Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

66. Majlis mengucapkan syabas dan tahniah kepada semua pemenang bagi Anugerah *Toilet Of The Year* (TOTYA 2024). TOTYA merupakan pertandingan yang dianjurkan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) untuk mengiktiraf usaha-usaha yang dilaksanakan oleh agensi-agensi kerajaan dan sektor swasta dalam menyediakan tandas-tandas awam bertaraf Bersih, Menawan, dan Wangi (BMW). Untuk makluman, pihak KPKT telah pertama kali menganjurkan TOTYA pada tahun 2023 dan ianya mendapat sambutan yang menggalakkan. TOTYA 2024 telah mendapat 625 penyertaan berbanding 345 penyertaan pada tahun 2023 dengan peningkatan sebanyak 82%.

67. Saya mewakili warga bandar raya Seremban mengucapkan syabas dan tahniah kepada R&R Seremban Arah Selatan, Lebuhraya PLUS Seremban kerana telah menerima saguhati bagi kategori kawasan Rehat dan Rawat (R&R) TOTYA 2024.
68. Selain itu, saya mewakili seluruh warga bandar raya Seremban ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada YB Tuan Nga Kor Ming yang menerajui Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) di atas Anugerah Pembangunan Negara 2024. Selain itu, KPKT turut menerima mendapat tempat pertama bagi Anugerah Pengurusan *Industrialised Building System* (IBS) Terbaik Peruntukan di atas RM1Bilion. KPKT turut menerima mendapat tempat pertama bagi Anugerah Penilaian *Outcome* Kementerian Berprestasi Tinggi dan Anugerah Khas Penilaian *Outcome* Pencapaian Konsisten sempena Anugerah Pembangunan Negara Tahun 2024.

*Sumber : Facebook KP KT*

69. Saya juga meminta warga kerja Majlis Bandaraya Seremban sentiasa fleksibel, relevan dan kontekstual ke arah budaya menghasilkan warga kerja yang berdaya tahan. Segala potensi, tugasan dan amanah yang disandang perlu mencakupi budaya berdaya saing peringkat global untuk memberikan nilai terbaik kepada warga bandar raya Seremban.
70. Akhir kata, saya mendoakan usaha dan impian kita bagi mempersiapkan Seremban menjadi sebuah Bandar Raya Pintar atau “*Smart City*” akan dipermudahkan dengan kerjasama dan bantuan daripada semua pihak.

Sekian, terima kasih.

**DATO' MASRI BIN HAJI RAZALI  
DATUK BANDAR  
MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN**

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN  
20 OKTOBER 2024**